

Kejayaan Atlet UPSI diraikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan

Tanjong Malim, 3 Disember - UPSI meraikan kejayaan cemerlang atlet dan kakitangannya yang mengharumkan nama UPSI dalam bidang sukan menerusi Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan.

Majlis yang diadakan di Dewan Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI itu memberi penghargaan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama universiti di pelbagai peringkat, dari kebangsaan hingga antarabangsa. Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, YB Encik Khairuddin Abu Hanipah, turut menyampaikan pujian terhadap pencapaian UPSI dalam memupuk bakat sukan.

"UPSI telah membuktikan kemampuan bukan sahaja sebagai institusi pendidikan tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembangunan sukan negeri dan negara.

"Kejayaan atlet seperti Raja Izati Nabila yang merupakan atlet Muay Thai bagi SUKMA Sarawak 2024, telah berjaya membawa pulang 1 pingat emas dalam kategori berat badan 42 hingga 45 kg dimana ketika itu juga beliau merupakan penyumbang pingat ke-11 untuk negeri Perak manakala Muhammad Fareez

merupakan atlet Judo kelahiran Perak memenangi 2 pinat perak dalam Asean University Games 2024 dan 1 pingat gangsa dalam Thailand International Judo Championship 2024, wajar dijadikan inspirasi kepada generasi muda. Beliau turut menekankan kepentingan sokongan berterusan terhadap pembangunan sukan di universiti. "Kerjasama erat antara UPSI, Majlis Sukan Negara (MSN) Negeri Perak, dan Persatuan Sukan Negeri Perak dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta perlu diperkukuh.

"Saya percaya, melalui perancangan strategik dan pelaksanaan projek fasiliti seperti Dewan Solar dan Gelanggang Lawn Bowls, UPSI akan terus menjadi contoh kecemerlangan sukan. "Kemudahan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada warga UPSI tetapi juga membuka peluang kepada masyarakat setempat dan agensi luar. "Ini adalah bukti komitmen UPSI dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial daerah ini. "Saya yakin, dengan sokongan padu daripada semua pihak, UPSI akan terus menjadi universiti pilihan utama dalam membentuk atlet yang bukan sahaja berjaya di gelanggang tetapi juga dalam kehidupan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, dalam ucapannya menekankan kejayaan universiti dalam pelbagai temasya sukan. "Pencapaian 71 pingat dalam SUKIPT 2024 adalah rekod terbaik UPSI setakat ini. Atlet kita bukan sahaja bersaing tetapi menjadi juara dalam pelbagai acara sukan." Beliau turut memuji kerjasama erat antara Pusat Sukan UPSI dan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) UPSI dalam mempersiapkan atlet UPSI.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Program Peringkat ke-2 Ulul Albab: Membangun Kepimpinan Rabbani

Shah Alam, 1 Disember

- Pusat Ulul Albab (PUA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan Program Peringkat 2 Kohort 13 yang bertempat di Kem Bumi Jati, Shah Alam yang melibatkan 45 peserta dalam kalangan pelajar UPSI yang aktif dalam program mingguan anjuran Pusat Ulul Albab. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepimpinan berteraskan nilai Islam, serta mengintegrasikan konsep Neuro-Linguistic Programming (NLP) bagi membentuk pemimpin yang berkualiti. Melalui gabungan ilmu

kepimpinan Islam dan teknik NLP, peserta diharapkan dapat memperkukuh jati diri mereka dan membina kepimpinan yang berkesan, seterusnya memberi impak positif kepada masyarakat.

Program ini menfokuskan kepada tiga elemen utama dalam model Ulul Albab, iaitu Quranik, Ensiklopedik, dan Ijtihadik (QEI), yang disampaikan oleh panel-panel hebat. Sesi pertama dimulakan dengan Taklimat Projek Sahabat. Dalam sesi ini, peserta diberi penerangan tentang projek yang akan dilaksanakan, memberi ruang untuk mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip

kepimpinan dalam konteks projek tersebut. Seterusnya, Kepimpinan Berteraskan Nilai Islam: Pembentukan Identiti Islam yang Kukuh, disampaikan oleh Penyelaras 1, PUA Dr. Tajul Rosli Shuib dan beliau memberi fokus kepada pembentukan identiti Islam yang kukuh dalam diri seorang pemimpin, serta memperkenalkan elemen-elemen kepimpinan yang ada. Peserta diajar untuk melihat cabaran sebagai peluang dan bukan halangan, serta menyesuaikan ciri kepimpinan mereka dengan elemen-elemen tersebut bagi membentuk pemimpin yang lebih berkesan.

'Cik Yah' Terima Sarjana Pengajian Persembahan Sempena Konvokesyen UPSI

Tanjong Malim, 2 Disember

- Pengaruh yang dikenali sebagai 'Cik Yah' di media sosial atau nama sebenarnya Amar Reza Zainalabidin akhirnya berjaya mencipta satu lagi kejayaan apabila menerima ijazah Sarjana Pengajian Persembahan dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Momen istimewa yang berlangsung sempena Istiadat Konvokesyen UPSI kali ke-26 bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan

Azlan Shah, UPSI itu turut disaksikan oleh bapanya, Zainalabidin Mustafa, 59, dan ibunya Hanizah Abdul Hamid, 54. Amar 30, membuat kandungan yang membawa watak ibunya sebagai 'Cik Yah' dalam memberi nasihat dengan imej emoji mendapat perhatian ribuan netizen.

"Saya bersyukur perjalanan ini tiba di penamatnya. Ia satu perasaan yang melegakan apabila dapat menyempurnakan tanggungjawab ini, lebih-lebih lagi apabila ibu bapa saya hadir

menyaksikan kejayaan ini," katanya.

Menurut beliau yang kini menjadi pensyarah pelatih di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) UPSI, pengalaman sebagai pelajar dan pengajar telah membuka ruang baharu untuk perkembangan intelektual dan kreativiti. Kandungan Amar di media sosial yang sering menggabungkan elemen humor dan Pendidikan, kini terpengaruh dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang seni persembahan.



Graduan UPSI Sambut Konvokesyen di Kampung Kerana Banjir

Tanjong Malim, 6 Disember

- Banjir besar yang melanda Kelantan memberi kesan terhadap banyak keluarga, termasuk pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kisah graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Arab, Durratul Alia Mohamad Kamil, 24, mendapat perhatian apabila beliau membuat rakaman video dengan memakai jubah konvokesyen sambil mengikuti tayangan istiadat secara dalam talian.

Durratul Alia yang berasal dari Kampung Alor Genu, Jelawat, Bachok berdepan cabaran besar apabila banjir melumpuhkan kampung halamannya, menyebabkan laluan ke UPSI terputus. Kisah Durratul Alia memakai jubah melihat konvokesyen UPSI tular di media sosial hingga mencecah tiga juta tontonan. Dalam situasi yang penuh cabaran itu, Durratul Alia berdepan dengan kesukaran besar untuk hadir ke majlis konvokesyen UPSI ke-26 pada 30 November lalu walaupun sekian lama menantikan detik bersejarah itu.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, menyatakan komitmen universiti dalam membantu pelajar yang terkesan akibat bencana alam.

Beliau berkata UPSI sentiasa bersedia membantu semua warga yang terjejas, termasuk pelajar dan keluarga mereka. Justeru, katanya, sebagai universiti pertama yang turun padang memberikan sumbangan serta pertolongan, kami memastikan kebajikan masyarakat adalah keutamaan.

Beliau berkata menyedari kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari kawasan yang terjejas, pihak UPSI segera menunjukkan keprihatinan mereka. Dalam kes Durratul Alia pula, pihak universiti dengan penuh memahami memberi kelonggaran untuk membenarkannya mengikuti majlis konvokesyen pada tahun hadapan, setelah keadaan banjir pulih dan perjalanan kembali selamat.

"Keputusan ini bukan sahaja menunjukkan komitmen UPSI dalam menjaga kebajikan pelajar, tetapi juga memberikan rasa harapan dan sokongan yang mendalam kepada graduan seperti Durratul Alia yang terpaksa mengorbankan detik penting ini kerana bencana alam. Menurut Durratul Alia, dia dan keluarganya sangat menghargai sokongan ini dan amat berterima kasih kepada UPSI atas keprihatinan dan bantuan mereka.

"Tindakan UPSI ini adalah satu contoh teladan tentang bagaimana institusi pendidikan boleh menunjukkan empati dan sokongan terhadap pelajar, katanya. Durratul Alia yang kini berniaga secara dalam talian dan mengajar mengaji Al-Quran di rumahnya meluahkan rasa terharu kerana universiti itu memahami kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dan sentiasa memberi ruang untuk mereka meraikan kejayaan merasai pengalaman konvokesyen yang sempurna tahun hadapan.



Pengerusi Perak FC mengunjungi UPSI



Kukuh kerjasama antara USAS dan UPSI



Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan Tinggi



Majlis Serahan Surat Kenaikan Pangkat kepada kakitangan UPSI

